

**Bersih 4.0 mungkin menyusul selepas ini – Hadi
Utusan Online
02 Mei, 2012**

KUALA TERENGGANU 1 Mei - Tidak cukup dengan kekecohan dan keganasan yang tercetus pada perhimpunan Bersih 3.0 Sabtu lalu, pihak pembangkang kemungkinan akan mengadakan perhimpunan Bersih 4.0 pula selepas ini.

Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang menegaskan, beliau tidak menolak kemungkinan perhimpunan Bersih 4.0 menyusul bagi memastikan Pilihan Raya Umum ke-13 diadakan dengan adil dan bersih.

Menurutnya, perhimpunan Bersih 4.0 mungkin diteruskan jika kerajaan tidak membuat perubahan dalam proses pilihan raya seperti yang dituntut pembangkang.

"Kita tengok dulu, kalau dia (kerajaan) tak buat perubahan, media tidak bebas, pilihan raya tipu lagi, daftar polis tidak bersih, kita akan buat lagi (Bersih 4.0)," katanya.

Beliau menyatakan perkara itu kepada pemberita selepas merasmikan Muktamar Tahunan Dewan Pemuda Pas Negeri Terengganu Ke-43 di Kolej Universiti Darul Quran Islamiyyah di Kampung Kubang Lembek, Manir, dekat sini hari ini.

Turut hadir, Timbalan Pesuruhjaya (II) Pas Terengganu, Muhyiddin Abd. Rashid dan Ketua Pemuda Pas Terengganu, Mohd. Nor Hamzah.

Abdul Hadi mengulas mengenai kekecohan dan keganasan pada perhimpunan Bersih 3.0 di ibu negara Sabtu lalu sehingga menyebabkan beberapa anggota polis dan petugas media cedera.

Beliau seterusnya mempertahankan penyokong Bersih 3.0, sekali gus menangkis dakwaan mereka sebagai punca tercetusnya keganasan dalam demonstrasi tersebut tempoh hari.

Jelas beliau, kesemua penyokong perhimpunan itu mengikut arahan yang dikeluarkan pemimpin bagi memastikan demonstrasi berjalan lancar.

Abdul Hadi bagaimanapun mendakwa, tindakan ganas itu dilakukan segelintir pihak yang disifatkannya sebagai 'pelakon' dalam kalangan golongan pemerhati yang menghadiri perhimpunan itu.

Beliau seterusnya menolak dakwaan bahawa peserta demonstrasi diupah pakatan pembangkang.

"Pemerhati pula daripada pelbagai pihak, saya dimaklumkan dalam kalangan mereka ini ada 'pelakon'. Mana ada kita nak upah orang, kita tiada duit, kita fakir miskin. Parti yang bergantung kepada orang, macam mana nak upah orang.

"Yang hadir pula, beratus ribu orang dan itu bukan kemampuan kitalah. Jadi 'pelakon' inilah yang menimbulkan perkara negatif," katanya.

Mengenai Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang didakwa memberi isyarat tangan kepada Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Azmin Ali supaya peserta

demonstrasi merempuh masuk ke kawasan Dataran Merdeka, Abdul Hadi berkata, media perlu memberi peluang kepada Anwar untuk membela diri.

"Biar dia (Anwar) keluar RTM, TV3. Biar dia bercakap (beri penjelasan). Wartawan boleh soal dia, itu cara betul, macam berlaku di negara lain," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0502&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_06.htm